

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan perkembangan terkini program *High Impact Project* (HIP) Tanam Baharu dan Tanam Semula Getah (TBTS) terhadap pekebun kecil di Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Perkembangan terkini program *High Impact Project* (HIP) Tanam Baharu dan Tanam Semula Getah (TBTS) terhadap pekebun kecil di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

- a) Semenjak tahun 2017, Kementerian Industri Utama (MPI) menyelaraskan pembangunan dan pelaksanaan Program Berimpak Tinggi (HIP) Tanam Baru dan Tanam Semula Getah di Sabah dan Sarawak.
- b) Bagi Sabah, sepanjang tahun 2018, seluas 18,522 hektar telah dibangunkan untuk aktiviti tanam baharu getah manakala seluas 9,108 hektar telah ditanam semula dengan getah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM65 juta. Di Sarawak pula, aktiviti tanam baharu getah dilaksanakan melibatkan 5,901 hektar tanah sepanjang tempoh 2018 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM83 juta.
- c) Bagi pelaksanaan sepanjang tahun 2019, sejumlah RM71.5 juta dan RM54.9 juta telah diperuntukkan masing-masing kepada Sabah dan Sarawak